

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN

KAWASAN : SELAYANG

TARIKH : 27 OKTOBER 2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 24

SOALAN:

YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan status rundingan TPPA dan bila syarat-syarat tersebut akan didedahkan kepada umum untuk Ahli-ahli Parlimen membuat keputusan menerimanya.

JAWAPAN:

STATUS RUNDINGAN

Tuan Yang di-Pertua,

2. TPP, setelah 5 tahun berunding, Menteri-Menteri TPP telah memuktamadkan rundingan pada 5 Oktober 2015. Namun begitu, perbincangan teknikal secara dua hala masih diteruskan.

3. Secara keseluruhan, **Kerajaan berpuas hati** dengan hasil rundingan TPP. Ini kerana kepentingan Malaysia telah diambil kira melalui fleksibiliti yang diberi kepada Malaysia. Dalam pada itu, kita juga mengakui bahawa dalam beberapa hal kita juga telah membuat kompromi. Untuk beberapa perkara kita telah berjaya mempertahankan dasar negara. Sebagai contoh,

- a. **Dasar Bumiputera dipertahankan** dalam bab-bab seperti Perolehan Kerajaan dan Syarikat Milik Kerajaan melalui pelbagai mekanisme seperti tempoh transisi, ambang nilai perolehan yang tinggi serta pengecualian beberapa entiti;
- b. Dalam isu Hak Harta Intelek pula, obligasi yang dimuktamadkan juga **tidak mengubah ciri-ciri utama dasar paten negara** yang sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua

4. Negara-negara TPP terdiri daripada 12 buah negara dengan pasaran 800 juta penduduk dan KDNK USD\$27.5 trilion. Malaysia akan menikmati **akses pasaran berkeutamaan khususnya ke 4 pasaran FTA yang baharu**, iaitu Amerika Syarikat, Kanada, Mexico dan Peru kerana kebanyakan duti import akan dimansuhkan sebaik sahaja TPP berkuat kuasa.

5. Sebagai contoh, dengan TPP, duti import bagi **hampir 73% daripada ekport barangan tekstil ke Amerika Syarikat akan dimansuhkan serta-merta dengan kuat kuasanya TPP**. Tanpa TPP, hanya 11% daripada ekport tekstil ke Amerika Syarikat yang menikmati duti import sifar. (Contoh pengeksport tekstil utama: **RAMATEX dan PEN APPAREL**)

6. Selain itu, TPP juga akan memansuhkan **duti import bagi produk-produk eksport utama Malaysia seperti E&E, barangan getah, minyak sawit, alat ganti automotif, serta produk kayu-kayan ke pasaran TPP khususnya ke Amerika Syarikat, Kanada, dan Mexico dan Peru**.

7. Dari segi pelaburan pula, Malaysia dijangka kekal sebagai destinasi pelaburan dan hub pembuatan yang menarik di rantau ini.

Tuan Yang di-Pertua,

8. Jika Malaysia bersetuju untuk menyertai TPP, produk Malaysia akan dapat berdaya saing di pasaran TPP dalam menghadapi persaingan

produk dari negara serantau seperti Viet Nam, dan Singapura yang juga merupakan ahli TPP.

9. Dalam menimbang obligasi penyertaan Malaysia dalam TPP, Kerajaan sedar akan cabaran yang perlu ditangani di samping manfaat yang sedang menunggu kita. Sehubungan itu, dalam setiap dasar atau keputusan yang kita ada baik dan buruknya. Begitu juga dengan liberalisasi pasaran. Penilaian terhadap impak TPP sedang dilaksanakan oleh pasukan kajian.

PENDEDAHAN TEKS RUNDINGAN

Tuan Yang di-Pertua,

10. Rundingan TPP kini, **hampir muktamad**, namun ia BELUM DITANDATANGANI. Di peringkat teknikal, masih terdapatnya perkara-perkara terperinci yang dikehendaki untuk diselesaikan. Antaranya termasuk *legal scrubbing* dan memuktamadkan jadual-jadual berkaitan.

11. Seperti mana yang dijanjikan oleh Kerajaan, teks rundingan akan didedahkan umum secara serentak oleh semua negara TPP dalam masa terdekat. Kajian kos manfaat akan Kerajaan bentangkan nanti bersekali dengan teks TPP di Parlimen di satu sesi yang akan ditetapkan nanti.

Tuan Yang di-Pertua,

12. Saya ingin menegaskan di sini, bahawa Malaysia merupakan sebuah negara yang amat bergantung kepada perdagangan sejak beberapa kurun lagi. Malaysia mendapat faedah yang besar daripada perdagangan antarabangsa, yang telah menyumbangkan kepada pertumbuhan ekonomi negara, serta menjana peluang pekerjaan bagi rakyat Malaysia. Bagi memastikan negara terus berdaya saing di arena global, Malaysia akan terus melihat peluang-peluang untuk meningkatkan perdagangan dan pelaburan melalui FTA.